



KEMENTERIAN SUMBER MANUSA



SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP)

APAKAH ITU SIP ?

Perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui bantuan kewangan segera dan perkhidmatan carian pekerjaan.

SIAPAKAH YANG LAYAK ?

- Semua pekerja sektor swasta dan pekerja domestik warganegara Malaysia/ pemastautin tetap/ pemastautin sementara.
- Semua pekerja berumur 18 hingga 60 tahun (kecuali pekerja berumur 57 tahun ke atas yang tidak pernah mencarum sebelumnya).
- Diambil bekerja menerusi kontrak perkhidmatan (COS).
- Memenuhi kriteria Kehilangan Pekerjaan.

KEHILANGAN PEKERJAAN	BUKAN KEHILANGAN PEKERJAAN
✓ Pemberhentian kerja biasa.	✗ Penamatkan kerja akibat salah laku pekerja.
✓ VSS/MSS (Skim Pemisahan Sukarela).	✗ Peletakan jawatan secara sukarela.
✓ Penutupan tempat kerja kerana bencana alam.	✗ Persaraan wajib.
✓ Penutupan perniagaan atau penutupan operasi.	✗ Habisnya tempoh kontrak perkhidmatan atau penyiapan kerja atau penamatkan kontrak perkhidmatan secara persetujuan bersama tanpa terma dan syarat.
✓ Pembuangan kerja secara konstruktif.	
✓ Peletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja.	
✓ Peletakan jawatan apabila diarah melaksanakan kerja luar skop yang membahayakan keselamatan.	

APAKAH SYARAT - SYARATNYA ?

- Memenuhi Syarat Kelayakan Caruman (CQC) dengan minimum 12 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan bagi permohonan yang pertama.
- Bersedia untuk mengambil bahagian dalam Program Penempatan Pekerjaan Semula dan mengikuti apa-apa arahan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERKESO.
- Berdaftar dengan MYFutureJobs untuk membuat carian pekerjaan bagi melayakkan mendapat Faedah SIP.
- Melaporkan kepada PERKESO jika telah menerima tawaran atau telah kembali bekerja secara tetap / kontrak / sambilan / sementara / perantis.



ANDA HILANG PEKERJAAN?

APAKAH FAEDAH YANG DISEDIAKAN ?

Elaun Mencari Pekerjaan

Bantuan kewangan bagi tempoh 3 - 6 bulan pada kadar menurun daripada 80%, 50%, 40% dan 30% berdasarkan purata gaji bulanan anggapan (tertakluk kepada kelayakan).

Elaun Bekerja Semula Awal

Insentif kewangan bagi pemohon yang kembali bekerja semula awal dalam tempoh baki Elaun Mencari Pekerjaan.

Elaun Pendapatan Berkurangan

Bantuan kewangan bagi pemohon yang mempunyai lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan satu atau lebih pekerjaan.

Elaun Latihan

Menyediakan elauan latihan pada kadar harian sebanyak RM10 - RM20 berdasarkan purata gaji bulanan anggapan.

Fi Latihan

Pembayaran yuran latihan yang dibayar terus kepada penyedia latihan pada kadar maksimum sehingga RM4,000.

Penempatan Pekerjaan & Kaunseling Kerjaya

Aktiviti carian pekerjaan dirangka bersama Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan melalui MYFutureJobs yang menyediakan padanan pekerjaan yang bersesuaian berdasarkan pelbagai faktor termasuk pengalaman dan kemahiran pencari kerja.

BAGAIMANA UNTUK MEMOHON ?



eis.perkeso.gov.my/eisportal



Maklumat Lanjut

1-300-22-8000

perkeso@perkeso.gov.my

MYFutureJobs

Perkhidmatan Pekerjaan Negara Anda